



Pembinaan Laman Sesawang Seni Persembahan Makyung

Makyung Performing Art Site Construction

Amirul Hazim Rosli^{1*}, Yusmila Yati Yunos² & Muhammad Affizy Shaari³

¹Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600, Selangor, Malaysia.

²³Pusat Kajian Bahasa Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author: amirulhazimrosli@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.27.2025>

Abstract

The Makyung performing arts need to be revitalized in various forms. One approach is to document this art more creatively, as outlined in the nine resolutions established in 2010 to elevate Makyung performing arts. This paper proposes the development of a website that systematically records, documents, and stores information about Makyung performances, making it easier for the public and researchers to access studies on past and upcoming Makyung performances. This study will employ qualitative methods, involving data collection and literature review through thorough reading and field research. Focused interviews will be conducted with Mr. Rosnan Abd. Rahman and Ms. Fatimah Abdullah, as they possess extensive knowledge about Makyung performances. The findings of this study will demonstrate that the developed application has the potential to support the conservation and dissemination of Makyung artistic heritage in Malaysia. The implications of this study are to enhance awareness and appreciation of traditional Malay performing arts and to expand accessibility to information related to Makyung for the general public through digital technology. The use of digital technology to expand accessibility to information related to Makyung demonstrates the value of integrating technology in the preservation of cultural heritage.

Keywords: conservation, digital technology, Hikayat Pattani, Makyung, website

Abstrak

Seni persembahan Makyung perlu diberikan nafas baharu dalam pelbagai bentuk. Antaranya mendokumentasikan seni ini secara lebih kreatif seperti yang telah disenaraikan dalam sembilan resolusi untuk mengangkat seni persembahan Makyung yang telah ditetapkan pada tahun 2010 yang lalu. Kertas kerja ini berusaha mencadangkan pembangunan laman sesawang yang dapat merekodkan, mendokumentasikan dan menyimpan rekod seni persembahan Makyung secara sistematik bagi memudahkan masyarakat atau penyelidik masa kini mengetahui kajian berkenaan persembahan Makyung yang telah berlangsung atau yang bakal berlangsung. Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif, proses pengumpulan data dan kajian literatur dilakukan menerusi pembacaan rapi dan membuat kajian lapangan. Temu bual berfokus bersama En. Rosnan Abd. Rahman dan Puan Fatimah Abdullah dilakukan kerana beliau mempunyai banyak maklumat berkenaan persembahan Makyung. Dapatan kajian ini akan menunjukkan aplikasi yang dibangunkan mempunyai potensi untuk menyokong usaha pemuliharaan dan penyebaran warisan seni Makyung di Malaysia. Implikasi kajian ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap seni persembahan tradisional Melayu serta memperluaskan aksesibiliti kepada maklumat berkaitan Makyung kepada masyarakat umum melalui teknologi digital. Penggunaan teknologi digital untuk memperluaskan aksesibiliti kepada maklumat berkaitan Makyung menunjukkan nilai integrasi teknologi dalam pemeliharaan warisan budaya.

Kata Kunci: Hikayat Pattani, laman sesawang, Makyung, pemuliharaan, teknologi digital



Pengenalan

Sri Annuar Musa 2021 melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia memartabatkan seni warisan Malaysia dengan teknologi digital, termasuk laman sesawang untuk mempromosikan industri kreatif. Usaha ini melibatkan agensi seperti CENDANA dan MyCreative Ventures, untuk mempercepat pemuliharaan warisan budaya dan menyumbang kepada ekonomi. Kejayaan seperti *Upin & Ipin* dan *Ejen Ali* mencerminkan potensi global industri kreatif Malaysia. Pada 2023, Annuar Musa mencadangkan peningkatan peranan industri kreatif pasca-pandemik. Selain itu, Datuk Norliza Rofli pada 2010 memperkenalkan resolusi untuk mengekalkan seni tradisional Makyung. Sumetha Nagalingam menekankan kepentingan laman sesawang dalam mempromosikan Makyung secara global.

Dapatan

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan langkah penyelidikan kepustakaan di Perpustakaan ATMA, UKM dan pengumpulan data melalui Google Scholar, Mycite, ResearchGate. Kaedah temu bual dijalankan dengan penggiat Makyung, En. Rosnan Abd Rahman. Fokus kajian adalah pembinaan laman sesawang melalui WordPress untuk pemuliharaan seni Makyung.

Perbincangan Dan Kesimpulan

Analisis Keperluan Pengguna

Analisis keperluan pengguna dalam pembangunan laman sesawang seni persembahan Makyung melibatkan kajian literatur, temu bual, soal selidik, dan pemerhatian. Keperluan penggiat seni, penyelidik, pelajar, dan peminat dikumpulkan untuk membangunkan laman sesawang mesra pengguna yang memenuhi semua keperluan. Hasil analisis akan dijadikan panduan dalam pembangunan laman tersebut.

Reka Bentuk dan Fungsi Laman Sesawang

Reka bentuk laman sesawang yang mesra pengguna penting untuk memudahkan akses dan penggunaan. Antara muka perlu jelas, konsisten, dan responsif pada pelbagai peranti. Navigasi mudah dengan pautan seperti 'Sejarah Makyung' dan 'Persembahan' penting, serta penggunaan breadcrumbs dan peta laman membantu pencarian maklumat. Fungsi carian dan penapisan mempercepatkan pencarian. Interaksi pengguna melalui forum, komen, dan media sosial meningkatkan pengalaman. Kandungan multimedia interaktif seperti video, wawancara, dan modul pembelajaran menjadikan laman lebih menarik, sambil melestarikan seni Makyung.

Integrasi Teknologi

Penggunaan WordPress sebagai platform untuk laman sesawang seni persembahan Makyung membolehkan integrasi pelbagai teknologi terkini yang menyokong kandungan multimedia dan interaktif. WordPress menawarkan fleksibiliti dan kemudahan dalam pengurusan kandungan serta pelbagai plugin yang boleh meningkatkan fungsi laman sesawang.

Ujian dan Penilaian

Pengujian laman sesawang seni persembahan Makyung oleh pengguna beta yang mewakili pelbagai latar belakang seperti penggiat seni, penyelidik, pelajar, dan peminat Makyung adalah langkah penting



sebelum pelancaran rasmi. Panduan ujian diberikan, melibatkan tugas seperti mencari maklumat, menonton video, dan menggunakan modul interaktif. Maklum balas dikumpul melalui borang, soal selidik, dan temu bual untuk mengenal pasti isu utama. Penambahbaikan dilakukan, termasuk memperbaiki bug, mempercepat pemuatan, dan mengoptimumkan navigasi serta kandungan. Ujian semula memastikan semua isu diatasi sebelum pelancaran. Pendekatan ini memastikan laman sesawang berfungsi baik, mesra pengguna, dan memenuhi objektif.


Proses Pra-Pembinaan Laman Sesawang Seni Persembahan Makyung

Proses pengumpulan data seni persembahan Makyung dilakukan secara terperinci untuk memastikan ketepatan dan relevansi maklumat. Data dikategorikan mengikut genre seperti persembahan, pendidikan, filem, artikel jurnal, poster, drama, pameran, rakaman media, lagu, dan persidangan (rujuk Gambar 1). Untuk persembahan, rakaman video, gambar, dan maklumat seperti tarikh, lokasi, dan sinopsis cerita dikumpulkan. Dalam bidang pendidikan, bahan seperti modul, silibus, dan nota kuliah mengenai Makyung, serta temu bual dengan tenaga pengajar dan pelajar, turut dikumpulkan untuk memahami pengalaman mereka dalam mempelajari seni ini.




Gambar 1: Data dikumpulkan mengikut genre yang berbeza seperti persembahan, pendidikan, filem, artikel jurnal atau buku ilmiah, lukisan poster, drama, pameran, media rakaman, lagu, dan persidangan.
Sumber: Laman sesawang Makyung Warisan Dunia 2024

Data filem dan drama Makyung, termasuk dokumentari, adaptasi filem, ulasan, dan analisis dikumpulkan. Artikel jurnal, buku ilmiah, dan kajian literatur dilakukan untuk pandangan akademik. Poster berkaitan Makyung, termasuk promosi dan karya seni, serta sejarahnya didokumentasikan. Skrip dan rakaman drama Makyung turut dikaji untuk memahami adaptasi elemen tradisional ke drama moden.




Gambar 2: filem-filem yang berkaitan dengan Makyung.
Sumber: Laman sesawang Makyung Warisan Dunia 2024.




Gambar 3: Drama yang berkaitan dengan Makyung.
Sumber: Laman sesawang Makyung Warisan Dunia 2024.

Maklumat pameran seni Makyung, termasuk kostum dan alat muzik, dikumpulkan bersama wawancara kurator untuk pemahaman mendalam. Rakaman audio dan video Makyung dari pelbagai siaran disusun, serta koleksi lagu lengkap dengan lirik, komposer, dan pemuzik. Kertas kerja dan rakaman persidangan turut dikumpulkan dan diringkaskan untuk rujukan mudah.



Gambar 4: Media rakaman yang berkaitan dengan Makyung.
Sumber: Laman sesawang Makyung Warisan Dunia 2024




Gambar 5: Lagu-lagu yang berkaitan dengan Makyung.
Sumber: Laman sesawang Makyung Warisan Dunia 2024.

WordPress dipilih untuk pembangunan laman sesawang kerana kemudahan reka bentuk dan pengurusan kandungannya. Dengan pelbagai plugin, ciri interaktif seperti galeri media dan kalendar acara dapat dibina. Pengurusan hosting melalui cPanel memudahkan pengurusan fail dan keselamatan, serta menyediakan sandaran data. Semua data diatur mengikut genre dengan navigasi jelas untuk akses mudah. Pendekatan ini menjadikan laman Makyung sumber rujukan komprehensif bagi pelajar, penyelidik, dan peminat seni.

Proses Pembinaan Laman Sesawang Seni Persembahan Makyung

Proses pembikinan laman sesawang Makyung menggunakan WordPress dan cPanel merangkumi pengumpulan data berdasarkan genre seperti persembahan, pendidikan, filem, artikel, lukisan, drama, pameran, rakaman media, lagu, dan persidangan. Data diperolehi daripada perpustakaan, arkib, penyelidik, dan pakar, lalu disusun dalam format digital yang sesuai untuk dimuat naik.



Gambar 6: Pengumpulan data seni persembahan Makyung.
Sumber: Laman sesawang Makyung Warisan Dunia 2024 .

Proses pembinaan laman sesawang Makyung menggunakan WordPress dan cPanel melibatkan pengurusan pelayan, fail, pangkalan data MySQL, dan domain melalui cPanel. Data dimuat naik ke pelayan dan disusun dalam direktori teratur. WordPress dipasang dengan tema dan plugin untuk pengurusan kandungan, SEO, keselamatan, dan prestasi. Data dikategorikan dalam WordPress untuk memudahkan navigasi. Laman diuji untuk kelajuan, responsif, dan keselamatan sebelum dilancarkan dan dipromosikan. Laman diselenggara secara berkala dengan kemas kini dan penambahan kandungan baru untuk menjadi sumber maklumat Makyung yang komprehensif.



Proses Pasca-Pembinaan Laman Sesawang Seni Persembahan Makyung

Selepas pembinaan laman sesawang seni persembahan Makyung, data dikumpulkan mengikut genre seperti persembahan, pendidikan, filem, artikel, dan lagu. WordPress digunakan untuk mengurus kandungan, dengan kategori tersendiri bagi setiap genre dan pemasangan plugin seperti SEO dan galeri media. cPanel mengurus pangkalan data, keselamatan, serta hosting laman, termasuk pemasangan SSL dan backup berkala. Penyesuaian teknikal seperti pengoptimuman kelajuan laman dan keserasian peranti dilakukan untuk prestasi optimum. Dengan penggunaan WordPress dan cPanel, pengurusan data menjadi efisien, teratur, dan mudah diakses, memastikan maklumat Makyung disimpan dengan baik.

Kesimpulan

Pembinaan laman sesawang seni persembahan Makyung memberi pelbagai kelebihan seperti penyebaran maklumat secara efisien, menarik penonton melalui media sosial dan SEO, serta menjadi sumber rujukan berharga. Laman ini juga meningkatkan aksesibiliti, memelihara warisan budaya, dan menjana pendapatan melalui penjualan tiket serta produk berkaitan, membantu mempromosikan dan mengembangkan seni Makyung dalam era digital.

Penyataan Etika

Pihak pengarang telah membaca, memahami dan mematuhi keperluan etika untuk penerbitan dan mengesahkan bahawa kerja semasa tidak melibatkan subjek manusia, eksperimen haiwan atau sebarang data yang dikumpul daripada platform media sosial.

Penyataan Kredit Penulis

Amirul Hazim Rosli: Penulis merupakan calon Sarjana Muda dalam bidang Sains Komputer Di Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia; Muhammad Affizy Shaari: Penulis merupakan calon Sarjana Falsafah dalam bidang Kesusasteraan Melayu di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia; Yusmilayati Yunos: Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah etnoperubatan Melayu.

Penghargaan

Segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT atas limpah kurnia-Nya yang memungkinkan kajian ini diselesaikan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat serta Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, atas kerjasama dan sokongan padu dalam projek ini. Terima kasih kepada para pensyarah dan rakan-rakan penyelidik atas panduan, nasihat, dan dorongan sepanjang kajian ini dijalankan.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Pihak pengarang telah membaca, memahami dan mematuhi keperluan etika untuk penerbitan dan mengesahkan bahawa kerja semasa tidak melibatkan subjek manusia, eksperimen haiwan atau sebarang data yang dikumpul daripada platform media sosial.



Rujukan

- Anon. 2021. Maksimum Potensi Industri Kreatif Dengan Teknologi Digital. *Sinar Harian*. 14 Oktober: 20.
- A.S. Hardy Shafii, Jason Tye Kong-Chiang & Shanti Balraj Baboo. Dalam. Sumetha Nagalingam (pynt). *Membina Web Dalam Talian Untuk Mempromosikan Makyung*, hlm. 76- 89. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Catherine C.Finan. 2021. Technology. Minnesota: Bearport Publishing Company.
- Nurul Halawati Mohamad Azhari. 2010. Penggiat Makyung Sedia Bereksplorasi. *MSTAR*. 26 Jun: 26.